

Fobia banjir kilat berulang

SUBANG – Penduduk Taman Setia Warisan kini terpaksa berwaspada setiap kali hujan kerana bimbang banjir kilat berlaku sekali lagi di taman perumahan berusia lebih 20 tahun itu.

Dalam kejadian banjir kilat pada malam 21 Disember lalu, sebanyak 25 buah penduduk di Jalan 1, Jalan 2 dan Jalan 3 ditenggelami air sedalam 0.5 meter.

Kebanyakan penduduk yang ditemui fobia dengan kejadian yang berlaku dan berharap pihak terbabit dapat mengambil tindakan sewajarnya mengelak peristiwa itu berulang.

Penduduk, Mohd Isa Baba, 57, mendakwa, banjir tidak akan berlaku sekiranya pemaju sebuah tapak projek kondominium mengambil langkah keselamatan.

“Pemaju sebelum ini pernah mengemukakan cadangan untuk melakukan kerja-kerja naik taraf di sungai ini dan kami penduduk



Mohd Isa meninjau projek yang didakwa menjadi punca banjir kilat.

bersetuju namun tidak tahu akan jadi seperti ini, jika tidak, awal-awal lagi kami tidak akan benarkan,” katanya ketika ditemui kelmari.

Menurutnya, limpahan air dari sungai turut membawa ber-

sama lumpur tebal menyebabkan rumah kotor selain penduduk terpaksa menanggung kerugian apabila peralatan rumah rosak.

Mohd Isa berkata, keadaan tersebut turut mengakibatkan kerugian sehingga mencecah ribu-

an ringgit dan laporan polis turut dibuat.

Sementara itu, Ketua Jalan 3, Kasmani Muhamat mencadangkan agar kerja-kerja baik pulih tebing Sungai Damansara dilakukan secara menyeluruh bagi melancarkan aliran air.

“Pemaju memang mahu ubah saliran asal air sungai, tetapi kena bersistematik dan benteng pada tebing harus dibina elak air sungai melimpah,” katanya.

Pengusaha katering, Alias Ahmad, 57, pula berkata peralatan rumahnya rosak akibat kejadian itu.

“Peti sejuk dalam rumah rosak dan kerana air naik mendadak secara tiba-tiba,” katanya.

Sinar Harian difahamkan satu perjumpaan dibuat bersama penduduk dan pemaju berjanji akan mengatasi serta bertanggungjawab di atas apa yang berlaku.